

BAB 2

KAJIAN TERDAHULU TERHADAP KESALAHAN BAHASA

2.1 Pendahuluan

Menurut Abdullah Hassan (1987:5), demi mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, pelbagai usaha telahpun dilakukan dengan pesatnya berkaitan dengan perancangan bahasa yang menjurus kepada dua aspek. Aspek-aspek yang dimaksudkan ialah dari segi taraf dan dari segi bahan. Perancangan taraf ialah pendaulatan bahasa manakala perancangan bahan pula ialah pembinaan bahasa.

Bahasa Melayu telah dimaktubkan dalam perlembagaan Malaysia sebagai bahasa kebangsaan. Pendaulatan bahasa ini dilakukan supaya bahasa itu menjadi lambang identiti negara. Dengan yang demikian, bahasa kebangsaan dapat berfungsi sebagai bahasa pengantar, bahasa pendidikan, bahasa pentadbiran awam dan swasta serta bahasa pemakaian dalam bidang sosial.

Bahasa Melayu sedang berkembang dan kian mantap. Walau bagaimanapun, sepanjang proses pembinaan bahasa kebangsaan dijalankan, timbul pula kekacauan, iaitu wujud kesalahan-kesalahan bahasa. Akibat daripada kekacauan ini telah timbul keperluan untuk membakukan bahasa tersebut. Bahasa baku atau bahasa standard ini, menurut Abdullah (1987:5),

ialah suatu norma yang agak seragam, atau suatu dialek bahasa yang digunakan oleh sesuatu golongan penutur untuk perhubungan. Demi perkembangan pesat serta pemantapan bahasa, pembakuan bahasa perlu dilakukan tetapi proses ke arah ini memakan waktu yang panjang pula.

Dalam proses pembakuan bahasa Melayu ini, beberapa keanehan turut berlaku yang kadang-kadang menyebabkan kerosakan kepada bahasa. Mengikut Abdullah (1987: 14) lagi, bahasa Inggeris telah dikenal pasti sebagai pengaruh pertama yang kerap kali merosakkan bahasa kebangsaan. Penutur bahasa Melayu sering menggunakan struktur ayat Inggeris dalam bahasa Melayu. Perkara ini kerap kali mengacaubilaukan bahasa.

Demikian juga halnya dalam proses pembelajaran bahasa Melayu, sama ada di sekolah maupun di rumah, baik sebagai bahasa pertama maupun sebagai bahasa kedua. Individu-individu yang berkenaan tidak lepas daripada membuat kesalahan bahasa. Berkaitan dengan perkara ini, Corder (1973: 256) pernah menyatakan bahawa “*... All learners make mistakes. This is not confined to language learners. We all make mistakes when we are speaking our mother tongue.*”

Menyedari hakikat ini, banyak kajian tentang kesalahan bahasa telah dijalankan, baik di luar negara maupun di dalam negara. Kajian-kajian yang dilakukan menggunakan beberapa kaedah yang mengkaji kesalahan bahasa oleh pelajar khususnya dalam bahasa kedua. Penggunaan bahasa pelajar dipengaruhi oleh beberapa faktor, antaranya pemindahan bahasa, gangguan

intralingual, kesan-kesan situasi yang berbentuk sosiolinguistik, dan sistem linguistik pelajar yang tidak stabil.

Selain itu, kaedah analisis kontrastif (analisis perbandingan) yang dikembangkan oleh Bloomfield (1914) pernah digunakan untuk menganalisis bahasa dengan terencana. Kaedah ini digunakan untuk membandingkan dua bahasa dari segi fonologi, morfologi dan sintaksis secara saintifik. Analisis kontrastif merupakan satu teknik yang baik untuk membandingkan bahasa penutur jati dengan bahasa sasaran. Daerah-daerah yang menjadi masalah kepada pelajar dapat diramal dan bahan-bahan pengajaran yang berkesan disediakan.

Satu lagi pendekatan baharu dalam pengkajian bahasa, khususnya dalam proses pembelajaran bahasa kedua, ialah kaedah analisis kesalahan bahasa. Kaedah inilah yang banyak digunakan dalam kajian-kajian di Malaysia. Analisis kesalahan mengkaji kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam mempelajari bahasa kedua. Dalam mengeluarkan pendapat atau buah fikiran, sama ada dalam bentuk lisan ataupun tulisan, pelajar bahasa kedua melakukan banyak kesalahan bahasa.

Dalam bab ini, kajian yang menggunakan kaedah analisis kesalahan bahasa akan ditinjau dengan lebih luas dan mendalam lagi. Ini relevan kerana kaedah inilah yang akan digunakan dalam kajian yang dijalankan oleh penulis.

2.2 Konsep Kesalahan Bahasa

Corder (1981: 11) mentakrifkan kesalahan bahasa sebagai bentuk-bentuk pertuturan yang menyimpang atau yang menyalahi bentuk-bentuk pertuturan penutur jati. Seterusnya, beliau berpendapat bahawa kesalahan biasanya berpunca daripada tindakan penutur melakukan penukaran, pengalihan atau penghilangan sesuatu bahagian ujaran seperti sesuatu bunyi, morfem, perkataan atau rangkai kata hingga menyebabkan ayat-ayat yang dibentuk mengandungi kesilapan.

Menurut Corder lagi, kesalahan bahasa boleh juga berlaku akibat kekurangan pengetahuan tentang kaedah bahasa dan yang merupakan penyimpangan-penyimpangan sistematik yang disebabkan oleh pengetahuan pelajar ketika belajar bahasa kedua. Kesalahan yang berlaku bukan sahaja dari segi penggunaan perkataan tetapi struktur frasa dan ayat juga. Kesalahan seperti ini adalah kerana kegagalan untuk menyesuaikan bahasa yang digunakan dengan sesuatu keadaan tertentu.

Webber (1981: 19) menyokong pendapat Corder dengan menyatakan bahawa kesalahan bahasa boleh berlaku apabila penggunaanya keliru atau tidak mampu memahami penggunaan aspek-aspek tertentu dalam bahasa yang digunakan. Kesalahan bahasa seperti ini lazim didapati pada kebanyakan orang Melayu melalui pertuturan biasa dengan meninggalkan imbuhan-imbuhan tertentu, membentuk ayat-ayat yang tidak sempurna dan sebagainya.

Kesalahan ini turut terbawa-bawa ke dalam penulisan dan mempengaruhi bahasa tulisan yang digunakan.

Za'ba (1965), Nik Safiah Karim (1978), Asmah Haji Omar (1980), dan Arbak Othman (1981) berpendapat bahawa kesalahan berlaku kerana adanya penggunaan aspek-aspek bahasa yang tidak sempurna daripada tatabahasa yang baku. Penggunaan bahasa yang terkeluar daripada penggunaannya yang standard dianggap sebagai kesalahan bahasa, kecuali jika bahasa itu digunakan di luar batas formal, misalnya penggunaan dialek-dialek Melayu.

Abdul Aziz Mohd. Shariff (1987: 45-58) membahagikan kesalahan-kesalahan bahasa kepada dua bahagian, iaitu ‘kesalahan-kesalahan ketara’ dan ‘kesalahan-kesalahan tak ketara’.

Menurut Abdul Aziz, kesalahan ketara ialah kesalahan-kesalahan yang sedang berlaku dan kesalahan-kesalahan ini dapat diperhatikan kewujudannya. Kesalahan-kesalahan ini mungkin disebabkan oleh proses perubahan yang sedang giat berjalan. Adakalanya sesuatu yang ditetapkan sebagai ‘betul’ pada sesuatu ketika dahulu telah ditetapkan sebagai ‘salah’ dan ekoran daripada itu diberikan pula yang ‘betul’. Kadangkala sesuatu yang ditetapkan sebagai ‘betul’ terkini ditolak pula dan dianggap sebagai ‘salah’, manakala yang ditolak sebagai ‘salah’ pertama tadi diterima kembali sebagai yang ‘betul’ pula.

Abdul Aziz mendapati enam jenis kesalahan-kesalahan ketara seperti yang berikut:

- i. Yang timbul daripada kesulitan ataupun masalah fonetik dan fonologi,
- ii. Proses peleburan,
- iii. Sebutan dan ejaan,
- iv. Sebutan dan ejaan kata-kata pinjaman,
- v. Pengaruh bahasa Melayu pasar,
- vi. Peralihan kod.

Kesalahan-kesalahan tak ketara pula dibahagikan kepada lima jenis seperti yang berikut:

- i. Penggunaan imbuhan,
- ii. Penyalahgunaan pasangan-pasangan ungkapan,
- iii. Ayat-ayat kabur,
- iv. Tanda baca,
- v. Kata-kata tabu

Awang Had Salleh (1981: viii) menegaskan bahawa kesalahan bahasa merupakan satu aspek yang ilusif, iaitu penggunaan yang tidak wajar dari segi tempat dan status yang diberikan dan penggunaan yang salah dari segi tatabahasanya. Nik Safiah Karim (1980: 10) menjelaskan bahawa kesalahan bahasa juga ditakrifkan sebagai penggunaan bahasa yang melanggar peraturan-peraturan bahasa yang telah dipersetujui, sama ada pada peringkat sebutan, pilihan kata atau susunan frasa dan ayat.

Pada kesimpulannya, Dayang Aini (1996), menegaskan bahawa kesalahan bahasa sering terjadi dalam proses pembelajaran sesuatu bahasa,

baik bahasa ibunda maupun bahasa kedua dan seterusnya. Hal ini dianggap perkara biasa bagi kebanyakan orang dan dialami oleh setiap individu. Semasa mempelajari sesuatu bahasa seseorang itu tidak dapat lari daripada melakukan kesilapan, baik kesilapan yang ketara, maupun kesilapan yang terselindung kerana manusia ialah makhluk ciptaan Tuhan yang serba kekurangan.

2.3 Definisi dan Matlamat Analisis Kesalahan

Analisis kesalahan telah diasaskan di Eropah dan berkembang di Amerika Syarikat sehingga disiplin ini menjadi sangat penting dalam soal yang berkaitan dengan bahasa. Harimurti (1983: 11) menjelaskan bahawa analisis kesalahan merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mengukur atau menilai tahap kemampuan seseorang pelajar bahasa terhadap bahasa yang sedang dipelajarinya (bahasa sasaran), baik bahasa pertama maupun bahasa kedua atau bahasa asing. Caranya adalah dengan mencatat dan mengklasifikasikan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh seseorang atau kelompok.

Analisis kesalahan dibuat dalam lima peringkat seperti yang berikut:

- i. Mengenal pasti kesalahan-kesalahan
- ii. Penafsiran
- iii. Pembinaan semula
- iv. Menggolongkan jenis kesalahan
- v. Menjelaskan bagaimana kesalahan-kesalahan itu berlaku dan mengenal pasti punca-punca kesalahan tersebut.

Analisis kesalahan bahasa merupakan suatu bidang yang meneliti dan menganalisis kesalahan-kesalahan bahasa yang dilakukan oleh para pelajar, dan bertujuan untuk mempertingkatkan keberkesan pengajaran dan pembelajaran bahasa. Bidang ini telah berkembang dengan pesat akibat wujudnya kesedaran baru dalam konsep kesalahan bahasa.

Kesalahan-kesalahan yang kerap dilakukan biasanya berbeza di antara individu. Ada kesalahan yang serius dan ada yang tidak serius. Ada kesalahan yang ketara dan ada yang terselindung (Dayang Aini, 1996). Melalui analisis kesalahan bahasa, jenis-jenis kesalahan yang dikesan dapat dikategorikan kepada beberapa kriteria, di antaranya berdasarkan:

- i. Aspek linguistik.
- ii. Psikologi (sama ada merupakan kesalahan kemampuan atau kesalahan penampilan).
- iii. Sumber-sumber kesalahan (interlingual dan intralingual).
- iv. Kesan sesuatu kesalahan itu kepada komunikasi (lisan dan tulisan).

Berkaitan dengan aspek linguistik, kriteria aspek-aspek linguistik merujuk tahap-tahap berikut:

- a) Fonologi (pertuturan dan pendengar).
- b) Ortografi (ejaan dan pembubuhan tanda bacaan).
- c) Morfologi (pembentukan kata, imbuhan, dan penggandaan).
- d) Sintaksis (struktur dan jenis-jenis ayat).
- e) Leksikosemantik yang berkaitan dengan pemilihan perbendaharaan kata yang boleh menjelaskan makna sesuatu.
- f) Situasi/sosiolinguistik yang berhubungan dengan kesesuaian penggunaan sesuatu kod.

2.4 Kajian-kajian di Luar Negara

Banyak kajian telah dibuat di luar negara, terutama sekali di negara-negara Barat. Walau bagaimanapun, kajian-kajian awal ini memperlihatkan banyak kekurangan dari segi instrumentasi yang digunakan, percontohan, kesahihan, dan kebolehpercayaan kajian. Sekalipun begitu, kajian-kajian awal inilah yang menjadi asas berkembangnya kajian-kajian yang lebih sistematik terhadap kesalahan bahasa selepas tahun 1970-an.

Kebanyakan kajian tentang kesalahan bahasa telah dijalankan di negara-negara yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama seperti di Amerika Syarikat dan Britain. Suhne (1923: 239-251) telah mengkaji kesalahan bahasa dalam karangan yang ditulis oleh pelajar gred tiga hingga enam di sekolah-sekolah di New Orleans. Jumlah contohan yang terlibat dalam kajiannya ialah 8,616 orang pelajar yang dibahagikan kepada dua kumpulan menurut jantina, iaitu lelaki dan perempuan. Suhne telah membandingkan kedua-dua kumpulan tersebut dan mendapati bahawa pelajar lelaki lebih banyak membuat kesalahan berbanding dengan pelajar perempuan. Daripada kajian itu, jenis kesalahan yang lazim dilakukan ialah kesalahan dari segi bentuk dan sintaksis.

Kajian yang dibuat oleh Suhne ini hanya menerangkan kesalahan bahasa yang lebih banyak dilakukan oleh pelajar lelaki berbanding dengan pelajar perempuan. Suhne tidak memperoleh dapatan kajian berkaitan dengan ‘jenis kesalahan’ dan ‘kekerapan kesalahan’ yang dilakukan oleh pelajar-

pelajar lelaki tadi. Suhne tidak pula menyebut tentang populasi sasarannya. Proses pemilihan contohan juga tidak dijelaskan.

Leonard (1934) telah mengemukakan beberapa rumusan berdasarkan kajian-kajian yang dibuat sebelum itu oleh Rodger, Holtman, Symonds dan Hilton. Rumusan tentang kesalahan-kesalahan tatabahasa pelajar-pelajar peringkat menengah rendah dan tinggi adalah seperti yang berikut:

1. Rodger telah menganalisis karangan yang ditulis oleh 29,000 orang pelajar peringkat rendah dan tinggi di Los Angeles. Beliau mendapati bahawa 82.9% kesalahan berlaku dalam 24 jenis kesalahan bahasa yang dikaji. Dapatkan Rodger menunjukkan bahawa dalam dalam setiap 250 patah perkataan, pelajar membuat 12 kesalahan. Selain itu, didapati tiada korelasi antara gred atau kecerdasan dengan jumlah kesalahan yang dilakukan.

2. Holtman telah mengkaji kesalahan yang terdapat dalam 2,246 buah karangan yang ditulis oleh pelajar-pelajar dalam gred empat, enam, dan lapan daripada 20 buah sekolah yang terdapat dalam tujuh buah negeri. Berdasarkan dapatan kajian itu, satu kesimpulan telah dikemukakan, iaitu bahawa kesalahan berkurangan mengikut pemeringkatan gred persekolahan; semakin tinggi gred persekolahan, semakin kurang kesalahan yang dilakukan.

3. Symonds and Hilton telah menganalisis 724 buah karangan untuk mengenal pasti setakat mana pembelajaran dapat mengurangkan kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan pada peringkat yang lebih tinggi. Hasil daripada kajian itu, didapati bahawa kesalahan tatabahasa banyak berlaku dari segi struktur ayat, penggunaan huruf besar, dan tanda bacaan.

Walaupun Leonard hanya membuat rumusan tentang dapatan Rodger, Holtman, dan Symonds dan Hilton, namun beliau tidak membuat kesimpulan secara menyeluruh tentang dapatan kajian-kajian tersebut. Dengan membaca rumusan Leonard, sukar mendapat gambaran mengapa perkara tersebut berlaku. Leonard tidak juga mencadangkan cara-cara untuk mengatasi masalah itu, dan di samping itu perbandingan tentang dapatan pengkaji-pengkaji tersebut tidak pula dilakukan. Dengan yang demikian, hanya maklumat tentang dapatan pengkaji-pengkaji (Rodger, Holtman, Symonds dan Hilton) sahaja yang diperoleh tanpa penjelasan tentang perbandingan, punca berlakunya kesalahan dan cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah itu.

Kajian Anderson dan Staiger (1957), Strom (1960) serta Burns dan Troxel (1961) memberikan tumpuan yang khusus kepada masalah kesalahan tatabahasa sahaja, iaitu terhad kepada aspek-aspek morfologi dan sintaksis. Kajian tersebut berkaitan dengan perkembangan ilmu bahasa moden, iaitu linguistik di negara tempat kajian tersebut dijalankan.

Loban (1966) pula telah mengkaji tentang Analisis Kesalahan bahasa di kalangan pelajar dari taman didikan hingga ke peringkat gred enam. Kajian tersebut tertumpu kepada bahasa pertuturan, bacaan dan penulisan. Dapatan daripada kajian Loban menunjukkan bahawa penyesuaian subjek-predikat merupakan kesalahan utama di samping kesalahan menentukan kata kerja orang ketiga tunggal. Kesalahan-kesalahan tersebut banyak dilakukan oleh pelajar daripada kumpulan gred empat, lima dan enam.

Kajian yang dijalankan oleh Loban ada kelemahannya. Dapatan kajian tidak begitu terperinci tentang kesalahan-kesalahan pelajar dari aspek pertuturan, bacaan, dan penulisan. Gambaran yang diberikan begitu menyeluruh dan tidak khusus kepada ketiga-tiga aspek tadi. Loban juga tidak menerangkan alat kajian yang digunakan. Contohan kajian pula agak besar, iaitu pelajar dari kelas taman didikan hingga pelajar gred enam.

Beberapa kajian awal sebelum tahun 1970-an tadi telah membuka jalan yang lebih luas lagi ke arah kajian-kajian selanjutnya. Berikutnya dengan itu, Slotnick dan Rogers (1973) telah membuat kajian terhadap 2,079 orang pelajar di Amerika Syarikat. Pelajar-pelajar tersebut telah diminta supaya menulis sebuah karangan yang panjangnya antara 200 hingga 250 patah perkataan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesalahan bahasa yang paling kerap dilakukan ialah kesalahan ejaan berbanding dengan jenis-jenis kesalahan yang lain.

Schacter (1974: 205-214) telah membuat kajian tentang analisis kesalahan, khususnya untuk kesalahan yang disebabkan oleh pemindahan bahasa. Schacter menganalisis beberapa buah karangan yang ditulis oleh dua kumpulan pelajar dewasa yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Kumpulan yang pertama terdiri daripada penutur jati bahasa Parsi dan bahasa Arab. Bahasa Parsi dan bahasa Arab menunjukkan sifat yang sama dalam pemakaian klausa-klausa relatif dan struktur ayat dengan bahasa Inggeris. Kumpulan kedua pula terdiri daripada penutur jati bahasa Cina dan bahasa Jepun. Bahasa Cina dan bahasa Jepun menunjukkan sifat yang berbeza dalam pemakaian klausa-klausa relatif dan struktur ayat dengan bahasa Inggeris.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar contohan kumpulan pertama menggunakan klausa-klausa relatif dalam ayat dua kali ganda banyaknya berbanding dengan pelajar-pelajar contohan kumpulan kedua. Ini jelas menunjukkan bahawa kumpulan contohan cuba mengelakkan penggunaan sesuatu bahasa yang tiada, atau berlainan daripada bahasa pertama mereka dalam bahasa yang dipelajari oleh mereka kemudian. Kesalahan yang dilakukan daripada percubaan menggunakan bentuk bahasa pertama menunjukkan manifestasi wujudnya pemindahan bahasa.

Di India pula, Bhatia (1974: 337-350) telah menganalisis karangan yang ditulis oleh penuntut-penuntut sebuah universiti di sana. Karangan yang ditulis dalam bahasa Inggeris itu berbentuk deskriptif dan naratif. Menurut kajian Analisis Kesalahan bentuk kata kerja, urutan kala dan '*article*'

merupakan aspek kesalahan yang tinggi kekerapannya di kalangan penuntut-penuntut berkenaan. Bentuk kesalahan-kesalahan tersebut meliputi 40% dan selebihnya ialah kesalahan yang disebabkan ketidakselarasan subjek dan kata kerja.

Selain itu, Tsan Sui Huang (1974) telah mengkaji kekerapan kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina yang mempelajari bahasa Inggeris. Dapatkan kajian membuktikan bahawa 75% kesalahan yang dilakukan oleh contohan merupakan kesalahan penggunaan kata kerja, artikel, kata nama dan sendi nama. 80% kesalahan penggunaan kata kerja terletak pada aspek kala, bentuk' dan kesesuaian antara subjek dengan kata kerja. Kesalahan ini dilakukan akibat daripada perbezaan struktur bahasa Inggeris dengan bahasa ibunda contohan.

Nayef Kharma (1981) membuat kajian berdasarkan contohan seramai 128 orang pelajar Arab yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Contohan terdiri daripada 41 orang lelaki dan 87 orang perempuan yang dipilih dari Jabatan Kesusteraan dan Bahasa Inggeris.

Hasil kajian Kharma menunjukkan bahawa kesalahan penggunaan '*article a*' dan '*an*' meliputi 72.7% daripada jumlah keseluruhan kesalahan yang dilakukan oleh contohan. Penggunaan '*the*' dan '*non-article*' masing-masing menunjukkan kesalahan sebanyak 14.5% dan 32.9%.

Dalam tahun 1986, Lewis Mukattas (1986: 187-201) telah menganalisis kesalahan tatabahasa sekumpulan penuntut tahun keempat Jabatan Bahasa Inggeris dan Kesusasteraan Inggeris di Universiti Jordan. Contohan yang berjumlah 80 orang penuntut telah diberikan kursus mengenai Linguistik Konstruktif dan Analisis Kesalahan untuk selama 16 minggu sebagai sebahagian daripada latihan ilmiah mereka. Pada akhir minggu yang ke-10, mereka telah diberikan ujian ringkas. Contohan diminta menulis karangan pendek mengenai tajuk-tajuk berikut:

- i. Linguistik Konstruktif.
- ii. Analisis Kesalahan.
- iii. Pembelajaran '*Interlanguage*'.

Jawapan ujian mereka diperiksa dengan teliti dan dikategorikan jenis-jenis kesalahannya. Setelah itu, pada akhir kursus, satu lagi ujian berbentuk karangan pendek telah diberikan dengan tajuk-tajuk seperti yang berikut:

- i. Perhubungan antara Linguistik Konstruktif dengan Analisis Kesalahan.
- ii. Masalah dalam Analisis Kesalahan.
- iii. Pembelajaran '*Interlanguage*'.

Karangan-karangan mereka sekali lagi diperiksa dengan teliti dan kesalahan-kesalahan yang dilakukan dikategorikan jenis-jenisnya. Kesalahan-salahan ini dibandingkan pula dengan kesalahan-kesalahan yang telah dikumpulkan dalam ujian pertama. Hasil perbandingan yang dibuat menunjukkan bahawa kebanyakan kesalahan yang berlaku dalam ujian yang pertama muncul dalam ujian kedua. Setengah-setengah kesalahan dalam ujian

yang kedua tidak terdapat dalam ujian yang pertama. Hasil kajian ini turut menunjukkan bahawa kesalahan-kesalahan penggunaan kala merupakan kesalahan yang paling tinggi kekerapannya dalam kedua-dua ujian.

Di negara Brunei Darussalam, Md. Daud Taha (1992: 185-191) telah membuat kajian tentang kesalahan bahasa. Beliau menjalankan kajian dengan menggunakan contohan 200 orang pelajar Melayu tingkatan empat dari 10 buah sekolah di Brunei. Hasil kajian Md. Daud membuktikan bahawa pelajar melakukan sebanyak 3,176 kesalahan bahasa dan daripada jumlah ini, didapati kesalahan kata merupakan yang paling kerap dilakukan, iaitu sebanyak 1,332 kesalahan. Dalam kesalahan jenis kata pula, kesalahan imbuhan dan sendi nama paling kerap dilakukan, iaitu 31.2% daripada jumlah kesalahan kata.

Selain itu, seorang lagi pengkaji dari Brunei Darussalam, iaitu Pengiran Mahmud Pengiran Damit (1992: 232) telah menjalankan kajian tentang kesalahan tatabahasa dan tanda baca ke atas 200 contohan pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Daerah Brunei/Muara dan Daerah Tutong. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar paling kerap membuat kesalahan yang ada hubungan dengan struktur ayat, iaitu 35.9% daripada keseluruhan kesalahan bahasa yang dilakukan. Daripada jumlah ini, didapati contohan pelajar paling banyak melakukan kesalahan tentang binaan ayat yang tidak lengkap, iaitu sebanyak 18.45%.

2.5 Kajian-kajian di dalam Negara

Banyak kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji di dalam negara berkaitan dengan kesalahan bahasa. Kajian-kajian itu meliputi beberapa kategori kesalahan tertentu, iaitu kesalahan morfologi, kesalahan penggunaan kata, kesalahan sintaksis, dan kesalahan yang disebabkan oleh pemboleh ubah tertentu.

Kajian terawal tentang analisis kesalahan bahasa di Malaysia pernah dilakukan oleh Lado (1961). Dalam kajiannya, Lado menganalisis karangan 200 orang contohan yang terdiri daripada pelajar aliran Melayu yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di Malaysia dan di Singapura. Hasil kajian menunjukkan bahawa punca kesalahan bahasa di kalangan pelajar merupakan gangguan bahasa Inggeris. Kesalahan yang kerap dilakukan ialah kesalahan penggunaan kata kerja.

Pada tahun 1969, Alias Shamsudin (1969) telah membuat kajian dengan menganalisis 797 karangan pelajar-pelajar tingkatan lima dari Sekolah Menengah Inggeris dan Cina di beberapa buah sekolah di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Melaka. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa punca utama kesalahan bahasa di kalangan pelajar ialah gangguan bahasa ibunda, diikuti oleh kesalahan pengajaran yang kurang berkesan dan kekeliruan analogi bentuk-bentuk yang telah dipelajari oleh contohan. Selain itu, kesalahan perbendaharaan kata berpunca daripada kelemahan pelajar dalam memahami perkataan, kesan pengaruh terjemahan dan bahasa lisan.

Yap Soon Hock (1973: 1-41) telah membuat kajian perbandingan mengikut jantina, darjah, bangsa dan pencapaian '*Intelligent Quotients*' (I.Q.). Contohan yang dikaji berjumlah 497 orang, terdiri daripada 259 orang daripada aliran Inggeris dan 138 orang daripada aliran Melayu. Contohan mempunyai berbagai-bagai latar belakang, iaitu dari kawasan tempat tinggal yang berbeza, berlainan keturunan, bahasa dan status ekonomi. Contohan mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Yap menganalisis kesalahan bahasa contohan berdasarkan 5 kategori, iaitu tanda baca, penggunaan huruf besar, pembentukan kata, struktur ayat dan ejaan. Dapatkan kajian meyimpulkan bahawa tidak ada tanda-tanda ketara yang menunjukkan berlakunya pengurangan kesalahan ejaan contohan pelajar dengan meningkatnya darjah mereka.

Dari segi jantina pula, contohan lelaki kurang membuat kesalahan berbanding dengan contohan perempuan. Bagi pencapaian I.Q. pula, contohan yang rendah pencapaian I.Q. menghasilkan karangan yang pendek dan lebih banyak membuat kesalahan berbanding dengan contohan yang tinggi pencapaian I.Q. mereka. Jenis kesalahan juga berbeza berdasarkan perbezaan I.Q.. Di samping itu, dapatkan kajian ini juga menunjukkan bahawa contohan pelajar Cina menampakkan kebolehan yang baik dalam pembentukan kata dan struktur, manakala contohan pelajar Melayu lebih baik dalam penggunaan tanda baca dan ejaan.

Juriah Long (1975: 226) telah menjalankan satu kajian tentang pertalian antara pencapaian bahasa pelajar-pelajar dengan status sosioekonomi mereka. Juriah telah menganalisis masalah pencapaian pelajar-pelajar bukan Melayu dalam peperiksaan Bahasa Malaysia pada peringkat MCE. Beliau mendapati bahawa status sosioekonomi mempunyai pertalian yang positif dengan pencapaian bahasa Melayu pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar daripada kumpulan status sosioekonomi tinggi mencapai gred bahasa Malaysia yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar daripada kumpulan status sosioekonomi rendah.

Dua tahun sebelum itu, Murad Mohd. Noor (1973) telah membuat kajian yang serupa. Di dalam kajiannya, Murad mendapati bahawa pelajar daripada kumpulan status sosioekonomi tinggi kurang melakukan kesalahan bahasa berbanding pelajar kumpulan status sosioekonomi sederhana dan kumpulan status sosioekonomi rendah.

Koh Boh Boon (1975: 1-33) telah membuat kajian terhadap pelajar-pelajar bukan Melayu yang mengambil mata pelajaran Bahasa Malaysia dalam peperiksaan Malaysia Certificate of Education (MCE). Hasil kajian membuktikan bahawa pelajar-pelajar contohnya lemah dalam penggunaan imbuhan kata kerja dan imbuhan kata nama. Kebanyakan kesalahan imbuhan yang dibuat ialah penggunaan imbuhan awalan dan akhiran pada kata nama meN-, di-, -kan, dan -i, manakala penggunaan imbuhan kata kerja pula ialah -an, peN-...-i, dan ke-...-an. Kesalahan ini berlaku disebabkan oleh kekeliruan serta salah tanggapan tentang pembentukan kata.

Kajian yang dibuat oleh Atan Long (1978) menunjukkan betapa pentingnya peringkat umur dalam penguasaan bahasa kanak-kanak. Beliau berpendapat bahawa kanak-kanak memperoleh dan menguasai bahasa pertamanya secara berperingkat-peringkat yang ditandai dengan peringkat-peringkat umur. Pada tiap-tiap peringkat umurnya, perolehan dan penguasaan bahasa bagi seseorang kanak-kanak dipengaruhi oleh bahasa yang digunakan orang-orang yang lazimnya berada di sekeliling mereka yang belum tentu betul dari segi tatabahasanya. Implikasi daripada pengaruh itulah yang menjadi masalah bagi kanak-kanak tersebut dari satu peringkat ke satu peringkat umur sehingga dia dewasa.

Osman Zakaria (1978) membuat kajian tentang kesalahan penggunaan sintaksis dalam bahasa Malaysia. Contohan kajiannya terdiri daripada 55 orang pelajar Melayu darjah enam di sebuah sekolah di Kuala Lumpur. Osman telah menganalisis ayat-ayat yang dihasilkan oleh contohan dan mendapati bahawa contohan tidak banyak membuat kesalahan ayat. Dapatkan kajian membuktikan bahawa 94.26% daripada ayat yang ditulis oleh contohan adalah betul dan hanya 7.54% daripada ayat pula salah strukturnya. Pola ayat selapis merupakan pola ayat yang paling tinggi kekerapan kesalahan berbanding dengan pola ayat lain.

Pada tahun 1986, dua orang pengkaji, iaitu Sharifah Fakhirah Syed Ahmad dan Teoh Boon Seong (1980) telah menganalisis kesalahan bahasa 27 orang pelajar tingkatan satu. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa contohan melakukan kesalahan sebanyak 32.6% dalam aspek imbuhan, 12.0%

pengulangan, 14.0% bentuk pasif, 26.2% penggunaan kata hubung dan 14.4% sintaksis. Selain itu, contohan turut melakukan 107 kekerapan kesalahan ejaan yang melibatkan kata dasar, kata berimbuhan dan kekeliruan fungsi; sebanyak 22 kesalahan daripada keseluruhan jumlah itu dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu, 36 kesalahan dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina, 37 kesalahan dilakukan oleh pelajar-pelajar India dan 12 kesalahan dilakukan oleh pelajar-pelajar Serani. Pengkjinya menyimpulkan bahawa kesilapan yang berlaku disebabkan oleh beberapa faktor dalam peringkat pembelajaran. Faktor tersebut dapat dibahagikan kepada empat kumpulan berikut:

- i. generalisasi dan aplikasi melampau
- ii. tidak mengetahui batas rumus
- iii. menghipotesis konsep palsu
- iv. pengaruh luaran, iaitu pengaruh bahasa ibunda

Berdasarkan kajian tersebut, pengkjinya mendapati jumlah atau jenis kesilapan yang ditemui tidaklah begitu menonjol berbanding dengan jumlah ayat yang dikarang. Perkara ini tidak mustahil kerana kumpulan pelajar yang berada pada tahap peralihan sekolah rendah - sekolah menengah ini membuat ayat yang pendek. Oleh yang demikian, klausa realtif yang sering menimbulkan kesilapan tidak ditemui dalam karangan mereka.

Ridzuan Ahmad (1981) telah membuat satu kajian khusus untuk mengkaji penguasaan imbuhan di kalangan guru-guru pelatih Melayu dan bukan Melayu. Ujian yang dilakukan adalah melalui ujian berbentuk kloz yang

mengandungi 100 butiran, meliputi 6 jenis imbuhan, iaitu meN-, ber-, di-, ter-, -lah, dan -kan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa penguasaan imbuhan contohan tidak begitu memuaskan. Setengah-setengah contohan melakukan kesalahan yang serius, khususnya dalam penggunaan imbuhan meN-, ber- dan di-. Secara bandingan, dapatan menunjukkan bahawa contohan guru-guru pelatih bukan Melayu melakukan kesalahan hampir tiga kali ganda banyaknya daripada jumlah kesalahan yang dilakukan oleh contohan guru-guru pelatih Melayu.

Kadir Mohd. Amin (1981: 72-76) pula membuat kajian tentang kesalahan penggunaan bahasa Melayu pelajar-pelajar Melayu darjah enam. Contohan kajian terdiri daripada 75 orang pelajar lelaki dan perempuan yang berada dalam darjah enam, Sekolah Kebangsaan Melekek (Alor Gajah) dan Sekolah Kebangsaan Paya Dalam, kedua-duanya di Melaka. Dua ujian telah diberikan kepada setiap contohan, iaitu ujian karangan dan ujian tatabahasa.

Daripada analisis kajian itu, dapatan menunjukkan bahawa:

- i. Kesalahan ejaan dilakukan sebanyak 387 kali atau 54.74 % daripada jumlah semua kesalahan bahasa. Purata kesalahan ejaan ialah 5.16 kali bagi setiap contohan pelajar.

- ii. Kesalahan penggunaan huruf besar dilakukan sebanyak 150 kali atau 21.22% daripada jumlah semua kesalahan bahasa. Purata

kesalahan penggunaan huruf besar ialah 2.0 kali bagi setiap contohan pelajar.

- iii. Kesalahan tanda bacaan dilakukan sebanyak 144 kali atau 20.37% daripada jumlah semua kesalahan bahasa. Purata kesalahan tanda baca ialah 1.92 kali bagi setiap contohan pelajar.
- iv. Kesalahan penggunaan imbuhan dilakukan sebanyak 26 kali atau 3.68% daripada jumlah semua kesalahan bahasa. Purata kesalahan penggunaan imbuhan ialah 0.35 kali bagi setiap contohan pelajar.

Sebagai kesimpulan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kekerapan kesalahan menggunakan imbuhan sebanyak 29.8% adalah lebih tinggi berbanding kesalahan-kesalahan lain seperti kesalahan ejaan, tanda baca, dan penggunaan huruf besar. Daripada peratusan tadi, sebanyak 3.68% kesalahan penggunaan imbuhan berlaku dalam karangan, sementara 26.12% lagi daripada ujian tatabahasa. Contohan didapati lemah dalam aspek penggunaan imbuhan meN-, teR-, meN-...-kan, dan beR-.

Pada tahun yang sama, Awang Mohd. Amin (1982: 18-22) pula telah membuat satu kajian tentang kesalahan-kesalahan umum penggunaan bahasa Melayu di kalangan penutur ekabahasa pelajar-pelajar Melayu peringkat sekolah menengah atas. Contohan dalam kajian terdiri daripada 120 orang

pelajar lelaki dan perempuan tingkatan empat dari Sekolah Menengah Aminuddin Baki, Sekolah Menengah Seri Tanjung, Sekolah Menengah Kebangsaan Petaling dan Sekolah Menengah Batang Berjuntai.

Aspek kesalahan sintaksis yang dikaji ialah ayat selapis aktif dan pasif, ayat berlapis, ayat kompleks, ayat berkait, ayat saduran, dan struktur ayat-ayat lain selain jenis-jenis ayat yang dinyatakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa contohan banyak melakukan kesalahan berhubung dengan struktur ayat pasif. Selain itu, Awang mendapati bahawa kesalahan-kesalahan pada peringkat kata (morphologi), seperti kesalahan penggunaan kata ganti nama diri, kata ganti penunjuk, kata depan, kata bantu dan penggunaan kata asing merupakan kesalahan yang paling umum dilakukan oleh contohan pelajar.

Kemudian, dalam tahun 1985, Koh Boh Boon (1985: 618-625) membuat satu lagi kajian. Contohnya pada kali ini terdiri daripada 154 orang siswazah Universiti Malaya. Daripada jumlah itu, 80 orang memiliki kelulusan dalam jurusan Pengajian Melayu, dan 74 orang lagi mempunyai prinsipal dalam mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa kesalahan bentuk kata tidak hanya dilakukan oleh pelajar sekolah, tetapi berlaku juga di kalangan siswazah. Hasil kajian menunjukkan bahawa 60% daripada contohan masih belum dapat menguasai aspek ejaan, manakala 55% pula masih belum menguasai aspek tatabahasa.

Dua tahun sebelum itu, Raminah Haji Sabran (1983) telah melakukan kajian tentang kesalahan bentuk kata. Contohan kajian terdiri daripada penutur jati bahasa Melayu yang terdiri daripada guru-guru pelatih di salah sebuah maktab perguruan di Kuala Lumpur. Sebanyak 68 orang contohan lelaki dan 32 orang contohan perempuan telah diuji. Contohan-contohan ini mempunyai pencapaian akademik yang berbeza-beza, iaitu pemegang sijil SPM, MCE, STPM, dan HSC.

Dalam kajian ini, contohan telah diberikan tiga ujian karangan dalam masa yang berlainan dan tempoh masa yang berbeza-beza. Tajuk-tajuk karangan yang dikemukakan ialah tajuk-tajuk yang berkaitan dengan tugas guru di sekolah dan dalam masyarakat umum. Panjang karangan di sekitar 250 patah perkataan yang ditulis dalam tiga tempoh masa yang berlainan, iaitu dalam masa 1/2 jam, 1 jam dan 2 hari. Tujuan memberikan ujian tiga buah karangan adalah untuk melihat sama ada terdapat atau tidak perbezaan dalam jumlah kesalahan bahasa berdasarkan perbezaan masa mengarang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir 80% kesalahan yang dilakukan oleh contohan adalah dalam aspek penggunaan perkataan dan pembentukan frasa.

Pada tahun yang sama, Mohd. Salehuddin (1983) membuat kajian perbandingan di antara pencapaian aspek sintaksis pelajar-pelajar Melayu, Cina dan India di beberapa buah sekolah menengah di Tampin, Negeri Sembilan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Melayu lebih kerap melakukan kesalahan ayat, iaitu ayat berkait, ayat yang memperlihatkan pengaruh ayat bahasa Inggeris, dan ayat-ayat yang panjang.

Hasil kajian ini turut menunjukkan bahawa contohan pelajar Cina banyak melakukan kesalahan ayat berkait, diikuti dengan ayat-ayat panjang, dan struktur ayat yang memperlihatkan pengaruh ayat bahasa Inggeris. Contohan pelajar India pula banyak melakukan kesalahan ayat berkait dan ayat-ayat yang panjang; di samping itu kesalahan ayat pasif merupakan kesalahan yang ketiga kekerapannya yang dilakukan oleh contohan ini.

Kamarudin Husin (1986) telah membuat kajian tentang penguasaan bahasa Melayu di kalangan guru pelatih bukan Melayu di maktab-maktab perguruan di Kuala Lumpur. Contohan kajianya terdiri daripada guru-guru pelatih bukan Melayu tahun akhir dari empat buah maktab perguruan. Jumlah contohan sebanyak 160 orang, iaitu 100 orang Cina (42 lelaki dan 58 perempuan) dan 60 orang India (25 lelaki dan 35 perempuan). Setiap contohan diminta menulis dua buah karangan yang panjangnya sekitar 250 patah perkataan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa lebih 70% daripada jumlah kesalahan yang dilakukan oleh contohan adalah dalam aspek ejaan, penggunaan perkataan, pembentukan struktur ayat, dan pembentukan frasa.

Pada tahun 1987, Raminah Haji Sabran (1987) sekali lagi membuat kajian kesalahan bahasa. Beliau telah menganalisis pencapaian pelajar-pelajar tahun 4 Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR Percubaan dalam tahun 1982) di sebuah sekolah rendah kebangsaan di Petaling Jaya dari aspek kemahiran membina ayat. Contohan terdiri daripada 100 orang pelajar

Melayu, Cina dan India. Contohan dikehendaki membina ayat berdasarkan satu instrumen yang terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Bahagian I yang mengandungi gambar tunggal yang mudah difahami oleh contohan; Bahagian II pula mengandungi 16 perkataan yang diambil daripada Buku Panduan Khas Bahasa Malaysia Tahun Empat. Berdasarkan kedua-dua bahagian ini, setiap contohan diminta membina sebanyak 21 ayat, dan jumlah semua ayat yang dianalisis ialah 2,100 ayat.

Hasil kajian Bahagian I menunjukkan bahawa daripada 500 ayat yang dianalisis, sebanyak 351 ayat adalah betul. Secara keseluruhannya, pencapaian contohan bagi bahagian ini berjumlah lebih kurang 70%. Secara bandingan, pencapaian contohan pelajar Melayu lebih baik daripada contohan pelajar Cina dan India. 80% daripada contohan pelajar Melayu boleh membina ayat-ayat dengan betul, diikuti dengan 70% contohan pelajar Cina dan 44% contohan pelajar India.

Hasil kajian Bahagian II pula menunjukkan bahawa daripada 1,600 ayat, hanya 1,018 ayat yang betul. Contohan pelajar Melayu menunjukkan pencapaian yang lebih baik daripada contohan pelajar Cina dan India. Daripada 640 ayat yang dibina, 73% daripada contohan pelajar Melayu membina ayat yang betul, diikuti dengan 62% bagi contohan pelajar Cina dan 47.5% bagi contohan pelajar India.

Pada tahun yang sama, Abdul Aziz Abdul Talib (1987) telah menjalankan satu kajian kesalahan ejaan ke atas contohan sejumlah 287 orang

pelajar tingkatan empat. Contohan terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan dan mereka merupakan kumpulan yang berbahasa ibunda bahasa Melayu dan juga kumpulan yang bukan berbahasa ibunda bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar masih terpengaruh dengan sistem ejaan lama atau terkeliru dengan sistem ejaan bahasa Melayu. Di samping itu, pelajar-pelajar juga kurang memahami cara mengeja perkataan pinjaman daripada bahasa asing, khususnya daripada bahasa Inggeris.

Pada tahun 1989 pula, Abdul Hamid Mahmood (1989: 40-41) telah membuat kajian terhadap masalah penguasaan bahasa di kalangan pelajar-pelajar Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, dan kelas persediaan. Contohan tersebut terdiri daripada pelbagai kaum, iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain. Abdul Hamid (1989: 40-41) mendapati bahawa terdapat perbezaan penguasaan imbuhan antara pelajar Melayu dengan pelajar bukan Melayu. Kesalahan penggunaan imbuhan lebih banyak berlaku di kalangan pelajar bukan Melayu berbanding dengan pelajar Melayu.

Mohd. Daud Yusof (1990) telah membuat kajian tentang penguasaan bahasa Melayu baku di kalangan pelajar tingkatan dua di Maktab Sultan Ismail, Kota Bahru, Kelantan. Contohan yang digunakan terdiri daripada 78 orang pelajar kumpulan pertama yang mengikuti pembelajaran Kurikulum Bersepadan Sekolah Menengah (KBSM) di sekolah tersebut.

Kumpulan contohan diminta menulis dua buah karangan yang panjangnya antara 150 perkataan hingga 200 patah perkataan. Dapatan kajian

menunjukkan bahawa pelajar-pelajar lemah dalam aspek morfologi. Kesalahan yang dilakukan termasuklah penggunaan ejaan, terutama pengejaan perkataan yang menggunakan keselarasan vokal.

Pada masa yang sama, Awang Sariyan bersama Mohd. Sahari Nordin (1990: 828-838) telah menjalankan kajian tentang kelemahan dalam aspek sintaksis di kalangan siswazah yang mengambil Diploma Pendidikan di Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Contohan kajian terdiri daripada guru-guru pelatih program Diploma Pendidikan UIA Sesi 1989/90 semasa menjalani latihan mengajar di sekolah. Sebanyak 87.2% memiliki ijazah daripada universiti tempatan, 4.5% daripada univerisiti di Indonesia, dan 8.3% lagi daripada universiti luar negara.

Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa 4.5 % daripada contohan masih melakukan kesalahan bahasa yang berkaitan dengan morfologi dan 77.8% contohan pula melakukan kesalahan yang berkaitan dengan sintaksis. Kesimpulan kajian ini membuktikan bahawa guru pelatih UIA masih melakukan kesalahan bahasa, baik dalam persediaan mengajar di bilik darjah maupun dalam penyampaian pelajaran secara praktikal. Secara tidak langsung, kajian ini memberi gambaran bahawa penguasaan sintaksis di kalangan siswazah masih belum mencapai tahap yang memuaskan.

Pada tahun 1993, Muhammed Salehudin Aman (1993: 189) pula membuat kajian tentang kesalahan tatabahasa terhadap 150 orang pelajar tingkatan empat di dua buah Sekolah Menengah Agama di Melaka. Hasil

kajian menunjukkan bahawa sebanyak 81% daripada keseluruhan kesalahan terdiri daripada kesalahan kata. Daripada jumlah kesalahan kata tersebut didapati sebanyak 32.3% ialah kesalahan penggunaan imbuhan. Kesalahan penggunaan imbuhan ini merupakan kesalahan yang paling tinggi antara kesalahan-kesalahan bahasa.

Pada tahun 1994, Supian Mohammad Noor telah menjalankan kajian tentang kesalahan frasa kerja bahasa Melayu di kalangan pelajar Cina di Sekolah Menengah Yu Hua, Kajang. Contohan berjumlah 249 orang pelajar tingkatan empat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa contohan melakukan 617 kesalahan frasa kerja. Daripada jumlah kesalahan ini, contohan paling kerap melakukan kesalahan frasa kerja transitif (173 kesalahan), diikuti oleh frasa kerja pasif pelaku diri ketiga (167 kesalahan), frasa kerja pasif pelaku diri pertama (148 kesalahan), dan frasa kerja tak transitif (129 kesalahan).

2.6 Rumusan

Kajian-kajian analisis kesalahan yang disebutkan di atas disusun mengikut urutan tahun kajian-kajian itu dilakukan. Terdapat juga pengkaji-pengkaji yang membuat lebih daripada satu kajian tetapi dijalankan pada tahun yang berlainan. Susunan mengikut urutan tahun tidaklah membawa sebarang signifikan. Oleh yang demikian, lebih bermanfaat melihat kajian-kajian mengikut jenis-jenis dan kategori kesalahan bahasa. Dalam hal ini, kajian-kajian kesalahan bahasa, sama ada yang dijalankan di luar negara maupun di dalam negara, dapat ditinjau dari kategori-kategori yang berikut:

- i. Kesalahan morfologi.
- ii. Kesalahan sintaksis.
- iii. Kesalahan yang disebabkan oleh faktor-faktor lain.

Selanjutnya, kajian-kajian yang dibentangkan di atas tadi (baik dari luar negara maupun dari dalam negara) jelas meliputi bidang-bidang dan aspek-aspek yang lebih terperinci seperti yang berikut:

- a) Daerah-daerah kesalahan.
- b) Kekerapan setiap jenis kesalahan.
- c) Perbandingan kesalahan berdasarkan kaum.
- d) Perbandingan kesalahan berdasarkan aliran.
- e) Perbandingan kesalahan berdasarkan jantina.
- f) Perbandingan kesalahan berdasarkan '*Intelligent Quotients*'.
- g) Perbandingan kesalahan berdasarkan kumpulan penutur yang berlainan bahasa ibunda.
- h) Penentuan punca-punca kesalahan.

Berpandu kepada bidang-bidang yang disebutkan itu, secara keseluruhannya didapati bahawa kajian-kajian yang dibincangkan di atas tadi, sama ada di luar negara maupun di dalam negara, hampir menyamai antara satu sama lain, khususnya dari segi penggunaan kaedah dan bahan kajian. Yang membezakan kajian di luar negara dengan kajian di dalam negara ialah fokus dan jumlah contohan kajian.

Selain itu, kajian-kajian yang diteliti di atas tadi pada keseluruhannya, merupakan kajian-kajian yang memperlihatkan penggunaan kaedah analisis

kesalahan. Hampir semua kajian yang dibuat di dalam negara menggunakan kaedah ini.

Dengan mengambil contoh daripada kajian-kajian yang diteliti di atas, kajian ini cuba meninjau beberapa aspek kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar-pelajar dari empat buah Sekolah Menengah Cina Persendirian di Klang, Selangor. Dengan menggunakan kaedah yang sama, iaitu analisis kesalahan, kajian ini melihat beberapa contohan karangan yang ditulis oleh pelajar yang menjadi contohan kajian.